



JABATAN KETUA MENTERI SARAWAK

(UNIT SUMBER MANUSIA NEGERI)
TINGKAT 9, 10 & 11 WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA
93502 KUCHING, SARAWAK



**PEKELILING PERJAWATAN NEGERI SARAWAK
BILANGAN 6 TAHUN 2020**

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan Negeri, Sarawak **KEPADA: Semua Setiausaha Tetap
Semua Residen Bahagian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Setiausaha Pihak Berkuasa
Tempatan**

**SALINAN KEPADA: Pengarah Audit Negara, Cawangan
Sarawak
Pengarah Audit Dalam**

**PERKARA: ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN DAN PENUTUPAN PREMIS KERAJAAN PERKHIDMATAN
AWAM NEGERI SARAWAK**

RUJUKAN: 9/JKM/TM/500-3/5/1/2/Jld.3 TARIKH: 17 Mac 2020

Dengan segala hormat perkara di atas adalah dirujuk.

2. Merujuk kepada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 16 Mac 2020, Mesyuarat Majlis Keselamatan Negeri yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri Sarawak pada 17 Mac 2020 serta surat edaran daripada Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6 (2) bertarikh 17 Mac 2020, semua Penjawat Awam Negeri Sarawak adalah diarah untuk bekerja dari rumah. Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan perkhidmatan penting (*essential services*) seperti di **Lampiran A** boleh menentukan dan mengarahkan pegawai-pegawai yang terlibat untuk hadir bertugas, dengan kakitangan yang **penting dan minima**.

3. Bagi pegawai yang diarah untuk bekerja dari rumah, perkara-perkara berikut hendaklah dipatuhi:

- a) Sentiasa berada di rumah dalam tempoh waktu pejabat / bekerja yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- b) sentiasa bersedia sekiranya diarah oleh Ketua Jabatan untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain; dan
- c) memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja.

4. Arahan ini berkuatkuasa mulai **18 hingga 31 Mac 2020**.

"Together We Drive the Workforce in the Civil Service to be World Class"



082 - 441957



082 - 445613



hrmmaklumat@sarawak.gov.my

5. Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai yang gagal mematuhi perkara-perkara yang dinyatakan di para 3 melainkan mendapat kebenaran Ketua Jabatan. Pegawai adalah tertakluk kepada Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996, Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri 1996 dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa yang mana bersesuaian.

6. Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



DATUK AMAR JAUL SAMION
Setiausaha Kerajaan Negeri
Sarawak

Lampiran A

PERKHIDMATAN PENTING (*ESSENTIAL SERVICES*) YANG TELAH DIKENALPASTI UNTUK PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

Ketua Jabatan bagi jabatan / agensi berikut boleh menentukan dan mengarahkan pegawai-pegawai yang terlibat untuk hadir bertugas, dengan **kakitangan yang penting dan minima:-**

1. KESELAMATAN DAN PENGUATKUASAAN

- (i) Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Negeri, Jabatan Ketua Menteri Sarawak
- (ii) Lembaga Sungai-Sungai Sarawak
- (iii) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri (termasuk pembersihan dan kutipan sampah)
- (iv) Dewan Bandaraya Kuching Utara (termasuk pembersihan dan kutipan sampah)
- (v) Lembaga Kemajuan Bintulu (termasuk pembersihan dan kutipan sampah)
- (vi) Pengawal Keselamatan Premis Kerajaan Negeri Sarawak
- (vii) Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Jabatan Negeri Sarawak

2. UTILITI

- (i) Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak
- (ii) Lembaga Air Kuching
- (iii) Lembaga Air Sibu

3. LAIN-LAIN PERKHIDMATAN

- (i) Jabatan Pertanian Sarawak
- (ii) Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak
- (iii) Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak
- (iv) Jabatan Perkhidmatan Perbentungan Sarawak
- (v) Semua Pihak Berkuasa Pelabuhan Negeri

4. KEWANGAN

- (i) Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak
- (ii) Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak
- (iii) Unit Akaun di Kementerian / Jabatan / Agensi Negeri Sarawak

5. PENYIARAN

- (i) Unit Komunikasi Awam Sarawak, Jabatan Ketua Menteri Sarawak

6. Kementerian / Jabatan / Agensi Negeri Sarawak yang dikenalpasti sebagai perkhidmatan penting (*essential services*) dari masa ke semasa.